

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
[Pengerang]

SOALAN : Dato' Sri Azalina Othman Said
[Pengerang] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sejauh manakah impak ke atas hubungan diplomatik khususnya antara Malaysia dengan negara-negara lain yang mempunyai hubungan baik dengan Israel berikutan keputusan Malaysia untuk tidak membenarkan atlet paralimpik dari Israel untuk menyertai Kejohanan Renang Para Dunia 2019 yang juga dilihat menjejaskan imej negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerang atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, saya ingin menekankan bahawa pendirian negara dalam memperjuangkan nasib rakyat Palestin adalah konsisten dan status hubungan Malaysia dengan Israel masih tidak berubah iaitu tiadanya hubungan diplomatik. Malaysia tidak akan berkompromi selagi penindasan ke atas rakyat Palestin masih berterusan dan tiada keikhlasan di pihak Israel untuk mencari penyelesaian saksama berhubung konflik Israel dengan Palestin.

3. Dalam hal ini, sekatan kemasukan Pasukan Renang (Para) Israel ke Malaysia sempena kejohanan *Kuching 2019 World Para Swimming Championships* tidak wajar terus diperdebatkan kerana pendirian Malaysia amat jelas dalam hubungan dengan Israel. Sebagai sebuah negara yang berdaulat, Malaysia mempunyai hak dan kuasa yang mutlak untuk mengawal sepenuhnya kemasukan orang dari negara lain ke dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Saya ingin mengambil peluang ini untuk menjelaskan bahawa Malaysia telah mewujudkan hubungan diplomatik dengan lebih 100 negara di serata dunia termasuk negara-negara yang mempunyai hubungan diplomatik dengan Israel. Walau bagaimanapun, hubungan Malaysia dengan negara-negara tersebut tidak sama sekali mempengaruhi atau menjejaskan pendirian Malaysia ke atas Israel, khususnya berhubung isu Palestin.

Sekian, terima kasih.